

30/10/2000

KWSP wajar timbang bagi anak enam tahun

Pencarum Tidak Puas Hati

SAYA merujuk cadangan Anak Desa, Sabah dalam ruangan ini pada 29 September lalu. Saya dan kemungkinan besar pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kecewa dan tidak berpuas hati kerana syarat pengeluaran wang KWSP untuk pembelian komputer peribadi hanya untuk sebahagian pencarum tertentu.

Hanya mereka yang mempunyai anak berumur 10 tahun ke atas layak memenuhi hajat itu.

Syarat pengeluaran ini sangat berlawanan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan masyarakat Malaysia celik teknologi maklumat serta "satu keluarga satu komputer".

Oleh itu apakah rasional dan logiknya KWSP meletakkan syarat itu bagi semua pencarum.

Bagaimana dengan pencarum yang mempunyai anak berumur kurang 10 tahun.

Saya berpendapat proses pembelajaran dan sosialisasi anak bermula pada peringkat bayi. Secara formal pula bermula di peringkat tadika (enam tahun). Oleh itu adalah sesuai pendedahan kepada komputer bermula di peringkat umur enam tahun bukannya 10 tahun.

Saya turut menyokong saranan supaya KWSP mengadakan pemantauan lebih tegas bagi memastikan pencarum tidak menyalahgunakan simpanan bagi tujuan lain.